

20 JUL 1996

Gates-Multimedia

GATES HADIR DALAM PERSIDANGAN MULTIMEDIA ASIA `96

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Pengasas Microsoft Bill Gates akan menjadi tetamu khas sidang video pameran Multimedia Asia `96 yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Ogos.

Ketua Pengarah Institut Sistem Mikro-elektronik Malaysia (Mimos) Datuk Dr Tengku Azzman Shariffadeen berkata Gates akan muncul untuk kira-kira 30 minit melalui sidang video dari Seattle untuk menyertai perbincangan panel yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Perbincangan bertajuk "Faktor Kritikal Kejayaan Koridor Raya Multimedia (MSC)," itu akan menumpukan kepada ramalan pembuat keputusan dalam mencipta kejayaan melalui MSC, katanya pada sidang berita di ibu pejabat Mimos di sini hari ini.

Ia akan diadakan pada hari pertama Persidangan dan Pameran Koridor Raya Multimedia.

Kemunculan Gates menunjukkan keyakinan dan harapannya bagi kejayaan MSC yang dijangka menjadi pusat perdagangan serantau jika tidakpun dunia bagi infrastruktur teknologi maklumat (IT), kata Tengku Azzman.

MSC, idea Perdana Menteri jika siap akan meliputi kawasan seluas 15km x 40km menghubungkan Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, Kuala Lumpur City Centre dan pusat pentadbiran baru Putrajaya.

Anggota panel antarabangsa yang lain pada persidangan empat hari itu termasuk Dr Kenichi Ohmae, perunding dan penasihat IT terkenal penganjur utama persidangan itu Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Digital Domain Scott Ross akan membuat persembahan khas multimedia juga pada hari pertama persidangan itu.

Sesi lain termasuk satu perbincangan mengenai "Komuniti Elektronik Asia Timur" yang akan dipengerusikan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie dan "Harapan Pelabur terhadap MSC" dijadual dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Clifford Herbert.

Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) Datuk Noordin Sopiee akan mempengerusikan perbincangan mengenai "Dimensi Sosio-Budaya Komuniti Multimedia Sedunia" sementara Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Tan Sri Ali Abul Hassan akan mempengerusikan perbincangan mengenai "Implikasi Kemunculan Ekonomi Digital."

Multimedia Asia `96 juga akan mempamerkan Produk dan Kegunaan Multimedia untuk masyarakat peniaga selama tiga hari pertama dan orang awam pada hari terakhir.

Steven Thong, pengurus besar penganjur pameran Reed Exhibition Companies, berkata ia merupakan peluang bagi 150 syarikat tempatan dan antarabangsa untuk memperkenalkan keluaran unik IT mereka dan idea-idea yang sesuai bagi pembangunan MSC.

Dr Mahathir berkata Multimedia Asia '96 dirancang untuk menggalakkan para pemimpin multimedia menjadi rakan kongsi dalam pembangunan MSC Malaysia.

"Saya menyambut baik penyertaan anda dalam Multimedia Asia `96, untuk membina hubungan, mewujudkan peluang dan membantu kejayaan Koridor Raya Multimedia Malaysia," katanya dalam perutusan pada risalah maklumat Multimedia Asia `96.

"Dalam kawasan (MSC), pusat pemangkin multimedia/IT akan dikenalpasti. Perbadanan multimedia bertaraf dunia akan dipelawa untuk menentukan unit perniagaan mereka dan pusat kemudahan R&D yang menjadi batu loncatan kepada

pasaran serantau serta dunia untuk produk dan perkhidmatan multimedia," katanya.

Teknologi tinggi yang maju dan cekap adalah penting untuk menjadikan negara sebagai ekonomi utama dalam rantau Asia Pasifik pada kurun ke-21, katanya.

"Disasarkan sebagai sektor strategik utama di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, pembangunan pusat perdagangan industri multimedia/IT akan membolehkan Malaysia memainkan peranan lebih efektif dalam konteks ekonomi maklumat sedunia," katanya. -- BERNAMA

RAZ NI RON